

Usah tunggu bantuan orang lain: PM

# Selatan perlu

87 - 2 JUN 1990

# berdikari

LAGI BERITA DAN GAMBAR  
DI MUKA 2, 5

Oleh JAILANI HARUN

**KUALA LUMPUR, Jumaat — Negara-negara Selatan hari ini digesa meningkatkan hubungan dan kerjasama di kalangan negara anggota sebagai usaha menyelesaikan pelbagai masalah ekonomi yang berbangkit daripada kurangnya sokongan yang diberikan oleh negara maju.**

Sehubungan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencadangkan penubuhan sebuah Rangkaian Maklumat Perdagangan dan Pusat Pertukaran Data Pelabuhan Selatan.

Katanya, ia bertujuan membekalkan semua maklumat mengenai dagangan Selatan-Selatan dan Utara-Selatan kepada negara anggota, dalam usaha meningkatkan hubungan ekonomi mereka.

Menurutnya, ekonomi negara Selatan boleh mencapai taraf yang setanding dengan Utara jika semua sumber yang ada digunakan sepenuhnya menerusi perancangan yang sistematik dan berkesan.

Ketika membuat saranan itu, Datuk Seri

Dr Mahathir menegaskan bahawa kegagalan negara Selatan untuk mengenal pasti kelemahan mereka selama ini akan menyebabkan mereka terus ketinggalan dalam pelbagai bidang.

"Kita tidak boleh menunggu bantuan orang lain, biarpun negara sahabat sendiri, bagi menyelesaikan masalah ini.

"Jika kita tidak mencorakkan bentuk pembangunan ekonomi bersama dari sekarang, tidak ada pihak akan menghulurkan bantuan kerana kita tidak tahu menguruskan masalah sendiri," katanya ketika merasmikan Sidang Puncak G-15 di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masalah hutang luar yang selama ini membebani kebanyakan negara membangun, khususnya di rantau Amerika Latin dan Afrika, sebahagiannya berpunca daripada sikap negara maju daripada Kumpulan G-7 menyetepikan hubungan Utara-Selatan.

"Negara Selatan bukan meminjam tanpa tujuan atau sengaja tidak mahu membayar hutang.

"Pinjaman itu dibuat ketika ekonomi dunia memuncak dan ketika negara yang memberi pinjaman itu yakin dengan kemampuan kita menjelaskannya semula.

"Kemelesetan ekonomi dunia yang menyusul dan kemerosotan nilai mata wang kita bukan berpunca daripada kita. Oleh itu, pemberi pinjaman haruslah sedia

menerima kesan buruk ini dan merangka cara penyelesaian yang sesuai dan jika semuanya gagal, sanggup menerima kerugian," katanya.

Perdana Menteri berkata, masalah hutang luar tidak seharusnya menyekat pembangunan sesebuah negara.

"Tidak ada sebuah negara pun akan jatuh muflis kerana hutang. Tetapi jika kita memberi terlalu banyak perhatian kepada usaha membayar balik pinjaman itu, negara tidak akan membangun sepenuhnya."

Mengenai hubungan Utara-Selatan, beliau berkata, Kumpulan 77 negara membangun (sebahagian besarnya di Selatan) tidak dapat menyelesaikan masalahnya sendirian tanpa bantuan negara perindustrian Utara.

Menurutnya, masa depan dunia kian cerah dengan wujudnya beberapa perubahan positif terhadap politik antarabangsa.

Peningkatan ekonomi Amerika Utara, penyatuan negara Eropah, pulihnya hubungan Timur-Barat serta pendemokrasian beberapa negara komunis blok Timur, memberi kesan kepada seluruh dunia.

"Kebanyakan perubahan ini adalah untuk kemakmuran manusia sejagat. Tetapi jika satu pihak saja mengeksploit peluang yang ada untuk meningkatkan ekonomi masing-masing, maka pihak yang lagi satu akan ketinggalan dan terus mundur sampai bila-bila," katanya.